

Batuk darah berterusan risiko tibi

➔ Simptom lain termasuk sakit dada, keluar kahak hijau, demam berpanjangan




Dr Zamzurina (kiri) dan **Dr Muhammad Amin (kanan)** bersama Jamilah.

PENYAKIT TIBI

Berita HARJAN 23/10/2019 M/S



83



BAHAGIAN ORGAN YANG MUDAH DIJANGKITI BAKTERIA MYCOBACTERIUM TUBERCULOSIS



Kelenjar



Otak

Batuk berterusan selama enam bulan dengan kahak berwarna hijau dan kuning, demam datang dan pergi setiap petang, cukup menyiksa Jamilah Mohammad Yusof, 34.

Ibu kepada dua anak berusia enam dan 10 tahun itu tidak mengesyaki sebarang ancaman kesihatan ke atas dirinya kerana menyangka perkara biasa.

Bagaimanapun, semakin hari keadaannya bertambah teruk apabila batuk sehingga sakit dada dan mengalami demam dua hingga tiga kali silih berganti dalam seminggu.

“Rasa demam biasanya bermula pada waktu petang sehingga malam dengan tubuh menggigil, terketar-ketar, rasa berdebar dan berpeluh, malah tidak boleh duduk di bawah pendingin hawa kerana boleh menyebabkan sesak nafas.

“Tidak banyak mampu dilakukan kerana doktor yang saya temui di klinik swasta, menjelaskan keadaan ini hanya demam dan batuk biasa,” katanya.

Melihat keadaan dirinya yang semakin tidak bermaya, suaminya, Wan Asmawi Wan Cob, 39, membawa Jamilah ke klinik semula untuk pemeriksaan lanjut, termasuk menjalani imbasan paru-paru.

Imbasan sahkan penyakit

Hasil imbasan mengesahkan Jamilah dijangkiti bakteria tibi. Ternyata keluhan ibunya tepat apabila mengesyaki penyakit itu.

Jamilah dijangkiti penyakit yang pernah beliau dan kakaknya alami sekitar 1990-an, berdasarkan petanda batuk berterusan dan demam menjelang petang.

Beliau mendedahkan perkara itu ketika ditemui di pekarangan wad tibi, Institut Perubatan Respiratori (IPR), Jalan Pahang, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Yang hadir sama Pakar Perunding Respiratori, IPR, Dr Zamzurina

Bakteria Mycobacterium Tuberculosis

APAKAH ITU TIBI?

→ Sejenis penyakit berbahaya yang boleh membawa maut jika tidak mendapat rawatan sempurna.

→ Ia disebabkan oleh bakteria Mycobacterium Tuberculosis.

→ Bakteria ini biasanya menjangkiti paru-paru tetapi boleh juga menyerang organ lain seperti selaput otak, tulang, kelenjar leher, paru-paru, buah pinggang, kulit dan organ lain.



Tibi boleh dirawat dan disembuhkan

TANDA & GEJALA PENYAKIT TIBI


Seseorang harus disyaki sebagai penghidap penyakit Tibi sekiranya:



BATUK BERTERUSAN



KURANG SELERA MAKAN



SUSUT BERAT BADAN



DEMAM



BERPELUH WAKTU MALAM

GRAFIK BH

Abu Bakar dan Pakar Perubatan Respiratori IPR, Dr Muhammad Amin Ibrahim.

Jamilah dirujuk ke IPR pada 25 Februari lalu sebelum ditahan di dalam wad pada hari sama.

“Seminggu di dalam wad, rasa sakit di sebelah kiri, dada, belakang badan dan esoknya, batuk berdarah selama dua hari.

“Selepas doktor beri ubat tahan darah, masuk air, barulah lega sikit. Biasanya dada rasa sakit dulu baru batuk berdarah,” katanya.

Jamilah yang berasal dari utara tanah air dan bekerja di sebuah stesen petrol di Puchong, tidak menolak kemungkinan rutin hariannya yang kerap berurusan dengan pelbagai individu dan warga asing mendedhakannya dengan risiko penyakit berkenaan.

Bagaimanapun, belum ada kakitangan di stesen berkenaan disahkan menghidap tibi.

Berat badan susut

“Saya tidak menyangka penyakit yang pernah dideritai ibu dan kakak saya sejak lebih dua dekad lalu kini menimpa diri saya pula.

“Mula-mula masuk wad rasa takut juga sebab kena makan ubat antara enam hingga tujuh biji sekali setiap hari,” katanya.

Penyakit berkenaan menyebabkan beliau hilang selera makan sehingga berat badan susut daripada 51 kilogram (kg) kepada 46 kg.

Beliau yang mengakui rindu pada anak-anak, rela terpisah daripada keluarga untuk mendapatkan rawatan bagi memastikan penyakit itu tidak menjangkiti orang

disayanginya.

Hanya rasa syukur dipanjatkan kepada Ilahi kerana sehingga hari ini, suami dan anak-anaknya bebas daripada tibi.

“Selama ini pun, setiap kali batuk, saya lebih gemar tidur sendirian dan jauh daripada anak-anak kerana tidak mahu mengganggu lena mereka.

“Ibu dan kakak juga berjaya pulih daripada tibi walaupun kakak diuji lagi dengan penyakit sistem imun tetapi ia mendorong semangat untuk saya kembali sihat,” katanya.

Jamilah merayu supaya masyarakat tidak meminggirkan dirinya selepas keluar dari wad dalam tempoh beberapa minggu lagi.

Perlu 6 bulan rawatan

Dr Zamzurina, berkata tibi memerlukan rawatan selama selama



Penyakit berkenaan berlaku di pergelangan tangan atau sendi jari, kesan lebih menyakitkan terutama apabila tangan banyak bergerak atau benjolan membesar”

Dr Shalimar Abdullah,
Perunding Pembedahan Tangan dan Mikro Surgery, Jabatan Ortopedik, Fakulti Perubatan, UKM

enam bulan sebelum pesakit pulih sepenuhnya.

“Pada peringkat pertama, empat jenis ubat diberikan untuk tempoh dua bulan pertama, kemudian dua jenis ubat lagi empat bulan seterusnya, menjadikan tempoh keseluruhannya enam bulan.

“Oleh kerana Jamilah mengalami kesan sampingan ubat, iaitu ruam dan gatal, dia terpaksa mencuba satu persatu ubat. Itulah sebabnya perlu makan ubat banyak,” katanya.

Katanya, kini terdapat kombinasi empat ubat dalam satu tablet yang hanya perlu dimakan tiga hingga lima biji bergantung kepada berat badan pada peringkat pertama selama dua bulan.

Peringkat kedua, dikurangkan kepada dua jenis, tiga hingga lima biji selama empat bulan.